

UMS, Kinki maju industri akuakultur

BH 1.3.2016 6

» **Kerjasama dengan universiti Jepun bantu hasil produk jana ekonomi negara**

Oleh Willie Jude Junaidi
bhnews@bh.com.my

► **Kota Kinabalu**

Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Kinki, Jepun dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) akuakultur bakal memberi manfaat kepada kedua-dua negara pada masa akan datang.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yunus, berkata kerjasama UMS dan Universiti Kinki adalah pilihan terbaik kerana dua universiti berkenaan bakal menghasilkan produk untuk mengembangkan industri akuakultur di negara ini.

Beliau berkata, permintaan terhadap produk akuakultur besar kerana ia menampung lebih 50 peratus produk laut di

seluruh dunia ketika ini.

Manfaat ekonomi


Katanya, menerusi R&D dilaksanakan secara usaha sama itu, ia memberi manfaat kepada kedua-dua negara khususnya dari segi ekonomi, selain peluang kepada pelajar UMS mendalami ilmu berkaitan bidang berkenaan sekali gus menjadi pakar bidang akuakultur.

“Kerjasama ini juga akan meningkatkan keupayaan UMS sebagai institusi penyelidikan bertaraf dunia, selain mampu memenuhi keperluan produk akuakultur dalam pasaran domestik, serantau serta antarabangsa,” katanya pada majlis pelancaran Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kinki, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Harun Abdullah; Presiden Universiti Kinki, Prof Dr Hitoshi Shiozaki; Timbalan Naib Canselor (R&D) UMS, Prof Dr Sharil Yusof dan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo, Dr Rossita Shapawi.

Nik Ali berkata, sehingga kini banyak produk R&D yang dihasilkan universiti tempatan telah dikomersialkan.

“Walaupun peranan untuk mengkomersialkan sesuatu



Nik Ali (hadapan kiri) diiringi Harun (belakang dua dari kiri) dan Shiozaki (hadapan kanan) melawat Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kinki selepas majlis pelancarannya di Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

produk adalah di bawah tanggungjawab kementerian, namun peranan universiti sebagai penyelidik asas atau akademik menjadi pacuan kepada R&D yang bersifat komersial.

Serius bangun industri

“Tidak dinafikan, R&D adalah satu-satunya kunci kecemerlangan kepada UMS selama ini,” katanya.

Sementara itu, Harun berkata, sebuah lagi Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kinki akan dibuka di Universiti

Kinki di Jepun dalam tempoh terdekat ini.

“Ini menunjukkan kedua-dua pihak serius dalam mencapai sasaran masing-masing untuk membangunkan industri akuakultur.

“Saya berharap dua rakan kongsi ini akan dapat berbin-cang bersama berhubung hala tuju bidang akuakultur sama ada melaksanakan projek secara bersama, pertukaran pelajar, latihan industri serta menghasilkan produk dan perkhidmatan baharu,” katanya.